

# 'Ekonomi Asean, NICS akan berkembang'

SINGAPURA, Isnin — Ekonomi Asean dan Negara-Negara Perindustrian Baru di Asia Timur (NICS) — Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan — akan terus berkembang dengan pesat dalam masa 10 tahun akan datang, seorang pesyarah kanan ekonomi memberitahu satu persidangan antarabangsa hari ini.

Dr Chia Siow Yue dari Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) berkata, negara-negara ini mampu memastikan corak ekonomi yang tinggi memandangkan pihak NICS dan Singapura mempunyai buruh mahir, tenaga pengurusan yang baik dan kerajaan benar-benar berusaha ke arah pembangunan ekonomi.

"Sebaliknya, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand mempunyai ramai buruh murah (kecuali Malaysia) dan para pentadbir dan pengusaha dan asas infrastruktur," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Pasaran

Beliau juga berkata, fokus pertumbuhan ekonomi kemungkinan akan beralih dari Atlantik ke negara-negara Pasifik sementara ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun adalah lebih stabil daripada pasaran ekonomi Eropah.

Ekonomi Jepun akan kekal sebagai ekonomi yang paling pesat dalam pasaran industri, tetapi pertumbuhannya dijangka menurun dalam tempoh 10 tahun akan datang, tambahnya.

Kemelesetan ekonomi Jepun mungkin berpunca daripada penduduk yang semakin berumur, pasaran yang terhad dalam ekonomi Barat dan generasi muda yang tidak mengambil berat tentang daya pengeluaran, beliau memberitahu NUS dan Institut Hal-Ehwal Antarabangsa Singapura.

Seorang lagi penceramah, Dr Eric Rasmussen berkata, kebanyakan rakyat Amerika tidak menghiraukan kemudahan yang diterima oleh negara mereka dari pembangunan ekonomi di rantau Asia-Pasifik. — Bernama.